



Terma dan Syarat Perkhidmatan Pandangan Serantau (*Regional View*)

1. Terma dan Syarat Khusus

- (a) Anda mengizinkan dan bersetuju bahawa Maybank Singapore Limited (“**Maybank Singapura**”) dan Malayan Banking Berhad (“**Maybank Malaysia**”) dibenarkan untuk berkongsi dengan satu sama lain sebarang atau semua data peribadi (iaitu nama, tarikh lahir dan ID, dll.) dan data kewangan (iaitu nama, nombor dan baki akaun, dll.) anda pada masa ini dan masa hadapan yang dipegang dengan Maybank Singapura dan/atau Maybank Malaysia (termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran sebarang atau semua akaun pada masa ini atau masa hadapan (sama ada akaun simpanan atau semasa, atau butiran yang berkaitan dengan deposit, kad debit dan kredit, pinjaman, produk kekayaan/pelaburan atau lain-lain) yang anda pegang (sama ada bersendirian atau bersesama) dengan Maybank Singapura dan/atau Maybank Malaysia (“**Akaun**”)) pada setiap masa bagi maksud permohonan atau pendaftaran anda untuk, akses kepada dan/atau penggunaan perkhidmatan Pandangan Serantau yang merangkumi, tanpa batasan, perkara berikut:
- (i) mengaitkan/membatalkan kaitan Akaun anda untuk perkhidmatan Pandangan Serantau;
 - (ii) melihat Akaun (sama ada pada Maybank2u Malaysia, Maybank2u Singapura, atau mana-mana laman web, aplikasi mudah alih atau platform elektronik lain sebagaimana yang mungkin kami miliki atau sediakan bagi perkhidmatan Pandangan Serantau); dan
 - (iii) membuat pemindahan dan pembayaran bil (yang mana-mana berkenaan) ke Akaun yang dikaitkan,
- tanpa apa-apa rujukan kepada anda, sehingga masa anda telah berjaya membatalkan kaitan atau membatalkan pendaftaran daripada perkhidmatan Pandangan Serantau.
- (b) Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Internet dan Terma dan Syarat Akses Maybank Singapore Limited dan Notis Privasi Maybank Singapura akan terpakai untuk akses anda kepada Maybank2u Singapura dan penggunaan laman web Maybank Singapura serta perkhidmatan Pandangan Serantau yang diberikan oleh Maybank Singapura, dan dengan mengakses mana-mana laman pada laman web Maybank Singapura dan/atau menggunakan perkhidmatan Pandangan Serantau yang diberikan oleh Maybank Singapura, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat serta Notis Privasi tersebut.
- (c) Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan Pernyataan Privasi Data Peribadi Kumpulan Maybank, akan terpakai untuk akses anda kepada Maybank2u Malaysia dan penggunaan laman web Maybank Malaysia serta perkhidmatan yang diberikan oleh Maybank Malaysia, dan dengan mengakses mana-mana laman pada laman web Maybank Malaysia dan/atau menggunakan perkhidmatan Pandangan Serantau yang diberikan oleh Maybank Malaysia, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat serta Notis Privasi tersebut.
- (d) Maybank Singapura dan/atau Maybank Malaysia berhak membatalkan akses anda kepada perkhidmatan Pandangan Serantau dengan segera tanpa notis terdahulu jika data peribadi atau

kewangan anda didapati tidak betul atau tidak konsisten dengan data yang diserahkan pada waktu permohonan anda bagi perkhidmatan itu.

- (e) Data anda yang dikongsi akan disimpan oleh entiti yang berkenaan selama yang perlu untuk mematuhi kehendak-kehendak perundangan, pengawalseliaan dan dalaman.
- (f) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA MY**”) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 (“**PDPA SG**”) terpakai.

2. Mengadakan Kaitan dan Membatalkan Kaitan

- (a) Anda memahami dan bersetuju bahawa apabila anda telah berjaya mendaftar untuk, atau mana-mana Akaun anda berjaya dikaitkan dengan, perkhidmatan Pandangan Serantau, semua Akaun anda (sama ada pada masa ini atau masa hadapan) akan dikaitkan secara automatik dengan perkhidmatan Pandangan Serantau.
- (b) Anda memahami dan bersetuju bahawa pendaftaran anda akan dibatalkan secara automatik daripada, dan/atau kaitan Akaun anda akan dibatalkan secara automatik daripada, perkhidmatan Pandangan Serantau sekiranya:
 - (i) anda atau kami menutup mana-mana Akaun anda yang telah dikaitkan; atau
 - (ii) anda memungkiri mana-mana terma dan syarat yang disebut di dalam ini; atau
 - (iii) kami percaya atau kami telah diberitahu bahawa perkhidmatan Pandangan Serantau yang dikaitkan dengan mana-mana Akaun anda telah disalahgunakan dengan apa jua cara sekalipun.
- (c) Apabila pendaftaran anda telah dibatalkan daripada perkhidmatan Pandangan Serantau atau kaitan mana-mana Akaun anda telah dibatalkan daripada perkhidmatan itu, kaitan semua Akaun anda yang lain (jika ada) akan dibatalkan secara automatik daripada perkhidmatan itu, dan kami tidak akan mendaftar semula anda untuk perkhidmatan Pandangan Serantau berhubung dengan mana-mana Akaun lain yang anda pegang dengan kami. Bagi hal sedemikian, anda akan dikehendaki supaya melalui proses pendaftaran sekali lagi.

3. Penggantungan atau Penamatan

Kami selanjutnya mempunyai hak untuk menggantung, menamatkan atau menyahaktifkan atau membatalkan apa-apa penggunaan perkhidmatan Pandangan Serantau tanpa sebarang alasan pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis.

4. Kerahsiaan dan Data Peribadi

- (a) Anda bersetuju, dan (jika berkenaan) hendaklah memastikan bahawa semua individu berkenaan yang data peribadinya telah anda zahirkan kepada kami (secara kolektif, “Individu Berkenaan”) bersetuju, bahawa kami, pegawai, pekerja, ejen dan penasihat kami boleh mengumpulkan, menggunakan dan menzahirkan maklumat yang berkaitan dengan anda (dan Individu Berkenaan), termasuk butiran akaunnya, kepada orang-orang berikut di mana saja ia bertempat (sama ada di Malaysia, Singapura atau tempat lain) setakat mana maklumat itu merupakan data peribadi, berhubung dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam Dasar Perlindungan Data Maybank, atau yang selainnya dikehendaki atau dibenarkan mengikut undang-undang yang terpakai:-

- i. mana-mana pihak ketiga yang boleh kami anggap perlu untuk melaksanakan sebarang arahan yang diberikan dengan menggunakan perkhidmatan Pandangan Serantau;
 - ii. penerima apa-apa dana di bawah perkhidmatan Pandangan Serantau;
 - iii. mana-mana institusi kewangan (sama ada bertindak sebagai bank penghubung atau bank ejen kami, atau berhubung dengan pemberian produk atau perkhidmatan kami atau selainnya);
 - iv. syarikat pemegangan kami dan mana-mana cawangan, pejabat wakil, subsidiari, perbadanan berkaitan dan anggota gabungan kami;
 - v. kepada pencetak atau ejen kertas surat kami bagi maksud mencetak dan/atau mengepos cek yang diperibadikan dan dokumen lain;
 - vi. mana-mana mahkamah, agensi atau pihak berkuasa kerajaan dan pengawalseliaan;
 - vii. mana-mana pemegang serah hak atau penerima pindahan sebenar atau bakal pemegang serah hak atau penerima pindahan, atau peserta atau sub-peserta, bagi mana-mana daripada hak atau obligasi kami di dalam ini (atau mana-mana ejen atau penasihat profesionalnya);
 - viii. juruaudit kami;
 - ix. mana-mana biro kredit atau agensi rujukan atau penilaian kredit dan mana-mana anggota atau pelanggan biro kredit atau agensi tersebut;
 - x. mana-mana pemberi perkhidmatan atau mana-mana orang berkaitan lain termasuk pemberi perkhidmatan pihak ketiga, agensi jualan dan telepemasaran, rakan perniagaan atau selainnya, di bawah syarat kerahsiaan yang dikenakan ke atas pemberi perkhidmatan tersebut, bagi maksud pemprosesan data atau pemberian apa-apa perkhidmatan bagi pihak kami kepada anda, atau berhubung dengan pengaturan penyumberluaran yang mungkin kami ada dengan mana-mana pihak ketiga jika kami telah menggunakan sumber luar untuk fungsi tertentu melalui pihak ketiga itu;
 - xi. mana-mana agensi pemungutan hutang atau orang yang kami lantik untuk memungut apa-apa jumlah wang yang terhutang kepada kami daripada anda;
 - xii. ejen, wasi atau pentadbir anda, penerima, penerima dan pengurus, pengurus kehakiman dan mana-mana orang berhubung dengan apa-apa kompromi atau perkiraan atau sebarang prosiding ketidaksovenan yang berkaitan dengan kami;
 - xiii. mana-mana pemegang akaun bersama;
 - xiv. setakat mana maklumat itu merupakan data peribadi, kepada orang-orang yang dikenal pasti dalam Dasar Perlindungan Data Maybank; dan
 - xv. mana-mana orang lain yang kapadanya penzahiran dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang.
- (b) Fasal 4 ini bukanlah, dan tidak boleh disifatkan sebagai merupakan, suatu persetujuan tersurat atau tersirat oleh anda dengan kami untuk tahap kerahsiaan yang lebih tinggi daripada tahap yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, termasuk, tanpa batasan, Akta Perbankan 1970 Singapura dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 Malaysia. Persetujuan dan hak-hak kami di bawah Fasal 4 ini adalah sebagai tambahan kepada, dan tidak dijejaskan oleh, mana-mana perjanjian lain dengan anda, dan hendaklah terus wujud selepas penamatan Perjanjian ini dan penamatan apa-apa hubungan antara kami dengan anda.
- (c) Jika mana-mana Individu Berkenaan menarik balik persetujuan mereka dengan sebarang atau semua penggunaan data peribadi mereka, bergantung pada jenis permintaan penarikan balik, kami mungkin tidak dapat memberikan perkhidmatan Pandangan Serantau kepada anda. Oleh demikian, penarikan balik tersebut mungkin merupakan suatu kemungkiran penolakan (*repudiatory breach*) obligasi anda di bawah Terma dan Syarat ini, dan kami boleh menamatkan perkhidmatan Pandangan Serantau tanpa menjelaskan hak dan remedai lain kami di sisi undang-undang terhadap kami.

- (d) Setakat mana Individu Berkenaan memberikan data peribadi mereka kepada kami melalui anda berkaitan dengan perkhidmatan Pandangan Serantau, anda mengakui dan bersetuju bahawa anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap orang Individu Berkenaan bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, penzahiran dan/atau pemprosesan data peribadi mereka oleh kami dan pemberi perkhidmatan yang dibenarkan oleh kami bagi maksud yang dinyatakan dalam Dasar Perlindungan Data Maybank, yang boleh kami kemaskinikan dari semasa ke semasa. Anda hendaklah memberi setiap orang Individu Berkenaan suatu salinan terma-terma yang terpakai untuk perkhidmatan Pandangan Serantau dan Dasar Perlindungan Data yang tersebut di atas.

5. Liabiliti dan Tanggung Rugi

- (a) Anda mengakui dan bersetuju bahawa anda bertanggungjawab secara langsung untuk mengemaskinikan maklumat yang telah anda berikan kepada kami berhubung dengan perkhidmatan Pandangan Serantau, dan bahawa anda mempunyai obligasi untuk memastikan bahawa maklumat anda adalah selamat. Kami tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang anda alami atau yang dialami oleh mana-mana pihak lain yang disebabkan oleh penggunaan maklumat anda tanpa kebenaran.
- (b) Anda memahami bahawa menyimpan dana atau menggunakan dana bukan kepunyaan anda merupakan suatu jenayah; jika anda menerima wang melalui Akaun yang dikaitkan di bawah perkhidmatan Pandangan Serantau daripada pihak yang tidak dikenali, anda mengakui dan bersetuju untuk memberitahu kami dengan segera. Jika kami menerima pemberitahuan daripada anda atau pihak lain bahawa dana telah tersilap dipindahkan ke Akaun anda, kami hendaklah mempunyai kuasa untuk mendebitkan Akaun anda bagi amaun dana tersebut tanpa persetujuan anda. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang anda alami kerana mendebitkan Akaun anda bagi maksud tersebut.
- (c) Kami tidak dapat menjamin bahawa apa-apa maklumat yang anda berikan kepada kami untuk pendaftaran dan penggunaan perkhidmatan Pandangan Serantau tidak akan dipintas atau diakses oleh pihak ketiga. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa maklumat yang dipintas atau diakses oleh pihak ketiga.
- (d) Perkhidmatan Pandangan Serantau adalah tersedia atas dasar ‘seperti adanya’ (*‘as is’*), anda mengakui bahawa pada masa tertentu beberapa atau semua fungsi di bawah perkhidmatan Pandangan Serantau mungkin tidak boleh diakses disebabkan penyenggaraan sistem atau atas alasan di luar kawalan kami. Anda juga mengakui bahawa pengendalian perkhidmatan Pandangan Serantau mungkin terjejas akibat isyarat rangkaian yang lemah atau kefungsian peranti yang terbatas. Oleh itu, kami tidak menjamin bahawa perkhidmatan Pandangan Serantau akan tersedia pada setiap masa.
- (e) Semua kandungan yang diberikan melalui perkhidmatan Pandangan Serantau adalah diberikan atas dasar "seperti adanya" (*"as is"*) atau "seperti tersedia" (*"as available"*), adalah untuk maklumat am sahaja dan tidak merupakan apa-apa nasihat kewangan. Kami tidak menjamin kandungan yang boleh diperoleh daripada penggunaan perkhidmatan Pandangan Serantau, atau ketepatan, kecukupan atau kebolehpercayaan sebarang kandungan yang diperoleh melalui perkhidmatan Pandangan Serantau, sama ada kandungan itu adalah daripada kami atau mana-mana pihak ketiga lain atau tidak, dan kami menafikan dengan nyata liabiliti terhadap kesilapan atau peninggalan dalam kandungan itu atau terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang mungkin diakibatkan oleh tindakan mengakses atau bergantung pada kandungan itu.
- (f) Anda selanjutnya bersetuju bahawa kami berhak pada bila-bila masa, mengikut budi bicara kami dan tanpa notis terdahulu, untuk menggantung buat sementara waktu pengendalian perkhidmatan Pandangan Serantau bagi tujuan pengemaskinian, penyenggaraan dan peningkatan, atau apa jua tujuan sekalipun yang kami sifatkan sebagai patut, atau menamatkan perkhidmatan Pandangan Serantau sepenuhnya mengikut budi bicara kami, dan dalam keadaan

sedemikian, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, liabiliti atau ganti rugi yang mungkin ditanggung akibat daripadanya.

- (g) Anda mengaku janji untuk menanggung rugi kami dan memastikan bahawa kami ditanggung rugi sepenuhnya daripada dan terhadap semua dakwaan, prosiding, penalti, tuntutan, kerugian, ganti rugi, liabiliti, kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi/indemniti yang mungkin kami hadapi atau yang mungkin dihadapi oleh pihak ketiga, berhubung dengan pemberian perkhidmatan Pandangan Serantau, termasuk kemungkiran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh anda.
- (h) Kami dan ejen kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua kerugian (langsung atau tidak langsung) sekalipun yang anda tanggung, atau yang ditanggung oleh mana-mana orang lain, berhubung dengan pemberian perkhidmatan Pandangan Serantau, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa penggunaan perkhidmatan Pandangan Serantau yang tidak wajar atau tidak dibenarkan, oleh anda atau mana-mana orang lain, sebarang perbuatan cuai atau salah laku sengaja, apa-apa kuasa kerajaan, force majeure, perperangan, mogok, sabotaj, kerosakan komputer atau mana-mana sebab lain di luar kawalan kami atau sebarang kejadian yang menjadikan tidak mungkin atau tidak dapat dipraktikkan bagi kami untuk melaksanakan obligasi kami berkenaan dengan apa-apa arahan yang anda serahkan kepada kami, atau jika kami dikehendaki supaya bertindak mengikut undang-undang dan peraturan di Singapura atau Malaysia atau mana-mana bidang kuasa yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau pemberian sebarang perkhidmatan kepada mana-mana orang yang mungkin dikenakan sekatan.

6. Hak untuk mengubah Perkhidmatan

Anda bersetuju bahawa kami boleh, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, menambah, menukar, mengubah, menggantung atau menghilangkan mana-mana bahagian perkhidmatan Pandangan Serantau, dan bahawa selepas diberikan notis bertulis 30 hari terlebih dahulu, kami akan terikat dengan terma dan syarat berkuat kuasa yang mengawal apa-apa penambahan, penukaran atau pengubahan perkhidmatan Pandangan Serantau.

7. Terma dan Syarat Am

- (a) Kami boleh menyerahkan sebarang atau semua hak dan obligasi kami di bawah ini dengan memberitahu anda. Anda tidak boleh menyerahkan sebarang hak dan obligasi anda di bawah ini tanpa persetujuan bertulis terdahulu kami yang tidak akan enggan diberikan secara tidak munasabah.
- (b) Apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh kami untuk menggunakan hak dan/atau remedii kami di bawah Terma dan Syarat ini tidak merupakan penepian mana-mana hak kami. Kami akan dianggap sebagai menepikan hak kami hanya jika kami memberitahu anda secara khusus mengenai penepian tersebut secara bertulis.
- (c) Jika mana-mana terma dalam Terma dan Syarat ini menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, ia akan, setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang tersebut, diasingkan daripada Terma dan Syarat ini dan dijadikan tidak berkesan, jika mungkin tanpa mengubah suai terma-terma lain dalam Terma dan Syarat ini.
- (d) Anda mengakui bahawa kami berhak menukar, membatasi, mengubah, menggantung atau mengubah suai Terma dan Syarat ini dengan memberi anda notis bertulis 30 hari dengan cara sebagaimana yang kami sifatkan sebagai patut. Kami juga boleh menarik balik perkhidmatan Pandangan Serantau pada bila-bila masa mengikut budi bicara kami tanpa notis kepada anda.

- (e) Seseorang yang tidak merupakan pihak Terma dan Syarat ini tidak berhak menguatkuasakan mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini di bawah Akta Kontrak (Hak Pihak Ketiga) Singapura.
- (f) Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh, dan ditafsirkan mengikut, undang-undang Singapura dan anda bersetuju secara tidak boleh batal untuk patuh kepada bidang kuasa tak eksklusif mahkamah Singapura.

8. **Takrif**

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan konteksnya menghendaki yang lain, ungkapan berikut hendaklah mempunyai maksud yang masing-masing diberikan kepadanya

“Kami” bermaksud mana-mana daripada Maybank Singapura dan Maybank Malaysia atau kedua-duanya, dan pengganti atau pemegang serah hak masing-masing.

“Anda” bermaksud mana-mana orang yang di bawah namanya satu atau lebih Akaun dikekalkan dengan kami, yang menggunakan perkhidmatan Pandangan Serantau, termasuk mana-mana dan/atau semua pemegang bersama Akaun (jika berkenaan).

“Dasar Perlindungan Data Maybank” bermaksud Notis Privasi Maybank Singapura dan Pernyataan Privasi Data Peribadi Kumpulan Maybank.

“Pernyataan Privasi Data Peribadi Kumpulan Maybank” boleh diakses pada laman web Maybank Malaysia.

“Notis Privasi Maybank Singapura” boleh diakses pada laman web Maybank Singapura.